

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

30. Sebanyak 1,616 kes Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD) telah direkodkan setakat Julai 2018 di Pulau Pinang berbanding dengan 1,050 kes pada 2017. Pertambahan kes-kes penyakit ini sangat membimbangkan.
- (a) Apakah usaha dan tindakan kecemasan diambil oleh semua agensi terlibat untuk menangani masalah ini?
 - (b) Apakah kaedah pencegahan yang perlu dimaklumkan?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Dalam usaha untuk menangani masalah peningkatan kes *Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMD), ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutamanya ibu bapa, pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan serta pihak sekolah.
- (a) Antara usaha-usaha yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dalam menangani masalah HFMD adalah seperti berikut:
 - (i) Siasatan dijalankan ke atas kes-kes yang dilaporkan terutamanya melibatkan premis yang mempunyai penghuni yang ramai;
 - (ii) Pemeriksaan kanak-kanak yang terdedah (pengesanan kes secara aktif) bagi memastikan mereka bebas daripada tanda-tanda dan gejala penyakit;

- (iii) Pengeluaran arahan penutupan premis di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk kerja-kerja pembersihan premis bagi memutuskan rangkaian jangkitan HFMD;
 - (iv) Pengamal perubatan digesa agar lebih peka (*vigilant*) terhadap peningkatan kes-kes HFMD dan melaporkan semua kes yang disyaki/ didiagnos sebagai HFMD kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terdekat untuk tindakan kawalan dan pencegahan;
 - (v) Pendidikan kesihatan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan penyakit HFMD di kalangan pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan; dan
 - (vi) Ceramah berkenaan HFMD di Mutiara FM telah dibuat pada 9 Julai 2018 dan ulang siar secara berkala telah dan sedang dijalankan oleh Mutiara FM.
- (b) Kaedah pencegahan yang boleh diambil maklum oleh semua pihak adalah seperti berikut:
- (i) Pengusaha dan penjaga kanak-kanak di taska/ tadika dan pusat jagaan hendaklah sentiasa memastikan kebersihan premis terutama peralatan dan perkakasan yang digunakan oleh kanak-kanak;
 - (ii) Memperkukuhkan saringan di pintu masuk (*gate screening*) dan tidak membenarkan kanak-kanak dengan gejala HFMD untuk menghadiri sesi harian/ sekolah; dan
 - (iii) Sentiasa mengamalkan kebersihan diri seperti mencuci tangan dengan sabun dan air bersih selepas ke tandas, selepas menukar lampin dan selepas mencuci najis kanak-kanak.

